



جائزہ کما جواران اسلام ملایسیا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
Faks : 603-8870 7707
Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Ruj. Kami: JAKIM.(S)BPEN.600-5/4/3 JLD.18 (35)
Tarikh: 26 Disember 2024
24 Jamadilakhir 1446H

SENARAI EDARAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

MANUAL PENGOPERASIAN UJIAN BERTULIS BAGI UJIAN PENILAIAN KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (UPKK) EDISI KEMAS KINI TAHUN 2024

Dengan segala hormatnya, merujuk perkara di atas serta surat siaran No. Ruj. JAKIM.(S)BPEN.600-5/4/3 JLD.16 (26) bertarikh 28 Disember 2023 berkenaan Manual Pengoperasian Peperiksaan Bagi Ujian Penilaian Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (UPKK) Mulai Tahun 2024 serta No. Ruj. JAKIM.(S)BPEN.600-5/4/3 JLD.16 (100) bertarikh 23 Mei 2024 berkenaan Format Instrumen Ujian Penilaian Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (UPKK) Mulai Tahun 2024 adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengemaskini manual tersebut dan telah membuat pindaan kepada Manual Pengoperasian Ujian Bertulis UPKK Edisi Kemas Kini Tahun 2024 yang **berkuat kuasa mulai 26 Disember 2024**.
3. Bersama-sama ini dilampirkan Manual Pengoperasian Ujian Bertulis Ujian Penilaian Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (UPKK) Edisi Kemas Kini Tahun 2024. Manual ini **TERHAD** kepada Personel Peperiksaan sahaja sebagai panduan pengoperasian Ujian Bertulis.
4. Sehubungan dengan itu, semua pusat peperiksaan yang berdaftar hendaklah melaksanakan Ujian Bertulis bagi semua mata pelajaran yang dijadualkan berdasarkan manual tersebut. Setiausaha Peperiksaan (SuP) boleh **memuat turun manual** tersebut di laman sesawang **<https://simpeni.islam.gov.my/>** berdasarkan log masuk dan kata laluan masing-masing.

5. Oleh itu, dimohon jasa baik pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di peringkat Agensi Pelaksana masing-masing. Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi **Encik Mohd Aminullah bin Saliman** di talian **03-8870 7575** atau **m.aminullah@islam.gov.my**.

Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, *wassalam*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN NORLIAH BINTI SAJURI)

Pengarah

Bahagian Pendidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

SENARAI EDARAN

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perlis
Kompleks Islam
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
Perlis

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah
Bangunan Wan Mat Saman
Jalan Raja
05676 Alor Setar
Kedah

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
Lebuh Downing
10300 Pulau Pinang

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak
Kompleks Islam Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
Perak

Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor
Aras 2, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit S.U.K
40000 Shah Alam
Selangor

Pengarah
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Menara Pusat Islam
Jalan Perdana
50519 Kuala Lumpur

Pengarah
Jabatan Agama Islam Melaka
Bahagian Pendidikan dan Perpustakaan
Lot 21/22, Jalan KPAA 2
Kompleks Perniagaan Al-Azim
Bukit Palah
75150 Melaka

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
Karung Berkunci No. 3
70990 Seremban
Negeri Sembilan

Pengarah
Jabatan Agama Islam Johor
Kompleks Islam Johor
Jalan Masjid Abu Bakar
80990 Johor Bahru
Johor

Pengarah
Jabatan Agama Islam Pahang
Jalan Masjid
26600 Pekan
Pahang

Pengarah
Yayasan Islam Terengganu
Menara Yayasan Islam Terengganu
Tingkat 10 & 11, Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu

Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sabah
Aras 6, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS, Peti Surat 14725
88854 Kota Kinabalu
Sabah

Pengarah
Jabatan Agama Islam Sarawak
Aras 12, Majma' Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah
Jalan P. Ramlee
93400 Kuching
Sarawak

Ketua Seksyen Pengurusan KAFA Kelantan
D/A Institut Latihan Islam Malaysia Kampus Besut
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jalan Pantai Peranginan, Bukit Keluang
22200 Besut
Terengganu



MANUAL PENGOPERASIAN UJIAN BERTULIS

UJIAN PENILAIAN KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (UPKK)

EDISI KEMAS KINI TAHUN 2024

BAHAGIAN PENDIDIKAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TERHAD KEPADA PERSONEL PEPERIKSAAN SAHAJA



ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1.	PELANTIKAN PEGAWAI PEPERIKSAAN DAN PETUGAS PEPERIKSAAN	1
	1.1 Sebelum Peperiksaan	1
2.	PENGURUSAN BILIK KEBAL/KESELAMATAN	4
	2.1 Spesifikasi Bilik Kebal/Keselamatan	3
	2.2 Kaedah Penyimpanan	6
	2.3 Tatacara Pengurusan Bilik Kebal/Keselamatan	4
3.	REKOD PENGOPERASIAN PEPERIKSAAN (RPP)	10
	3.1 Tatacara Pengurusan Rekod Pengoperasian Peperiksaan (RPP)	10
4.	PENGOPERASIAN PEPERIKSAAN	13
	4.1 Sebelum Peperiksaan	13
	4.2 Semasa Peperiksaan	20
	4.3 Selepas Peperiksaan	28
5.	KES KECEMASAN	32
	5.1 Sebelum Peperiksaan	32
	5.2 Semasa Peperiksaan	33
	5.3 Selepas Peperiksaan	34
6.	PENYAKIT BERJANGKIT	12
	6.1 Kategori Penyakit Berjangkit	35
	6.2 Kaedah Penyelesaian	35

BIL.	PERKARA	HALAMAN
7.	KES SALAH LAKU	36
	7.1 Kategori Salah Laku	36
	7.2 Kaedah Pencegahan Salah Laku	38
	7.3 Kaedah Penyelesaian	40
8.	KETIRISAN PENGURUSAN UJIAN PENILAIAN KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (UPKK)	42
	8.1 Kertas Peperiksaan	42
	8.2 Skrip Jawapan Peperiksaan (SJP)	45
	8.3 Bilik Kebal/Keselamatan	47
9.	KES LUAR JANGKA	49
	9.1 Cuti Khas	49
	9.2 Keadaan Darurat dan Perintah Berkurung	49
	9.3 Banjir	50
	9.4 Bencana Alam	52
	9.5 Jerebu	54
10.	LAMPIRAN	55

**PELANTIKAN
PEGAWAI
PEPERIKSAAN DAN
PETUGAS
PEPERIKSAAN**

1. PELANTIKAN PEGAWAI PEPERIKSAAN DAN PETUGAS PEPERIKSAAN

1.1 Sebelum Peperiksaan

1.1.1 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Pegawai dan Penyelia Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang menguruskan Ujian Penilaian Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (UPKK) hendaklah menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972.
- ii. Sentiasa berintegriti, amanah dan cekap dalam pengurusan UPKK.

1.1.2 Agensi Pelaksana

Agensi Pelaksana hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972.
- ii. Melantik Petugas Peperiksaan yang berintegriti, amanah dan berwibawa dalam kalangan Pegawai, Penyelia Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan Guru KAFA.
- iii. Melantik petugas peperiksaan yang berperanan seperti yang berikut:
 - a. Ketua Pengawas Kawasan (KPK);
 - b. Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan (KPPP); dan
 - c. Pengawas Peperiksaan (PP)
- iv. Memastikan semua petugas peperiksaan menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972.

1.1.3 Guru Besar (GB)/Guru Penyelaras (GP)

Guru Besar (GB)/Guru Penyelaras (GP) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972.
- ii. Mengesahkan Borang Permohonan Ketua Pengawas/Pengawas/Pemeriksa/Penilai UPKK (JAKIM/UPKK09/07/Pind.2).
- iii. Melantik Setiausaha Peperiksaan (SuP) bagi pengurusan peperiksaan di peringkat sekolah.

1.1.4 Setiausaha Peperiksaan (SuP)

Setiausaha Peperiksaan (SuP) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:


- i. Menerima surat pelantikan Setiausaha Peperiksaan (SuP) daripada GB/GP.
- ii. Menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972.

1.1.5 Ketua Pengawas Kawasan (KPK), Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan dan Pengawas Peperiksaan (PP)

Ketua Pengawas Kawasan (KPK), Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan dan Pengawas Peperiksaan (PP) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menerima Surat Pelantikan KPK, KPPP dan PP daripada Agensi Pelaksana.
- ii. Menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972.

**CARTA ALIR PELANTIKAN PEGAWAI PEPERIKSAAN DAN
PETUGAS PEPERIKSAAN PEPERIKSAAN**



PENGURUSAN BILIK KEBAL/ KESELAMATAN



2. PENGURUSAN BILIK KEBAL/KESELAMATAN

2.1 Spesifikasi Bilik Kebal/Keselamatan

2.1.1 Bilik Kebal

JAKIM telah menetapkan spesifikasi yang perlu dipatuhi oleh Agensi Pelaksana dalam menentukan pemilihan Bilik Kebal seperti yang berikut:

- i. Menyenaraikan Bilik Kebal yang telah ditetapkan sebagai tempat penyimpanan Kertas Peperiksaan dan Skrip Jawapan Peperiksaan kepada JAKIM.
- ii. Saiz bilik hendaklah mengambil kira bilangan Petugas Peperiksaan semasa pengoperasian peperiksaan.
- iii. Keluasan bilik hendaklah mendapat pandangan dan khidmat nasihat daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).
- iv. Kemudahan asas hendaklah disediakan seperti yang berikut:
 - a. Sistem penggera;
 - b. Kawalan keselamatan;
 - c. Sistem pencegahan kebakaran;
 - d. Alatan pemadam api yang menepati Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan SIRIM;
 - e. Rak penyimpanan; dan
 - f. Penyaman udara.
- v. Pintu Bilik Kebal hendaklah mempunyai perkara-perkara yang berikut:
 - a. Bahan yang kukuh bagi perlindungan atau cubaan pecah masuk;
 - b. Mempunyai ciri-ciri kalis api; dan

- c. Mempunyai pensijilan SIRIM dan kelulusan daripada CGSO.
- vi. Set kunci Bilik Kebal hendaklah mempunyai perkara-perkara yang berikut:
 - a. Dipasang dengan ciri keselamatan yang tinggi;
 - b. Dilengkapi *deadbolt* tidak kurang dari 20 mm;
 - c. Melempi penilaian badan piawaian tempatan dan antarabangsa;
 - d. Dilengkapi kawalan akses keluar masuk dengan Pengecaman Identiti Personel atau Akses Biometrik.
- vii. Mempunyai tanda amaran “Dilarang Merokok” dan “Dilarang Makan atau Minum” dalam Bilik Kebal.
- viii. Tidak mempunyai tingkap atau pintu atau siling bagi pencerobohan Kertas Peperiksaan dan SJP ke luar bangunan.
- ix. Pengudaraan Bilik Kebal dengan kelembapan dan aliran udara yang tidak merosakkan Kertas Peperiksaan dan SJP yang disimpan.
- x. Pendawaian elektrik hendaklah dilakukan dengan betul dan selamat oleh kontraktor bertauliah, dipasang di dalam konduit serta tidak boleh terdedah.

2.1.2 Bilik Keselamatan

JAKIM telah menetapkan spesifikasi asas yang perlu dipatuhi oleh Agensi Pelaksana dalam menentukan pemilihan Bilik Keselamatan seperti yang berikut:

- i. Menyenaraikan Bilik Keselamatan yang telah ditetapkan kepada JAKIM.
- ii. Bilik Keselamatan yang digunakan bukan bilik pegawai yang sedang bertugas atau mana-mana individu di sesebuah pejabat atau mana-mana premis.

- iii. Pintu Bilik Keselamatan sebaiknya dari jenis *solid wood/wood core* dan hendaklah kukuh bagi perlindungan atau cubaan pecah masuk.
- iv. Buka pintu hendaklah ke sebelah dalam (inward opening) supaya engsel pintu terlindung.
- v. Tiang pintu (door jamb) hendaklah dipasang dengan kukuh ke rangka dinding.
- vi. Pintu Bilik Keselamatan hendaklah dipasang set kunci dan jeriji pintu yang berciri keselamatan.
- vii. Dinding Bilik Keselamatan hendaklah dibina dengan kukuh.
- viii. Sekiranya terdapat tingkap dalam Bilik Keselamatan, hendaklah dipasang jeriji tingkap dan ditutup cermin supaya tidak boleh dilihat dokumen yang berada di dalamnya.

2.2 Kaedah Penyimpanan

2.2.1 Kertas Peperiksaan

JAKIM telah menetapkan beberapa kaedah penyimpanan Kertas Peperiksaan seperti yang berikut:

- i. Memastikan Petugas Peperiksaan dan petugas pemunggaran yang dilantik sahaja berada dalam Bilik Kebal/Keselamatan.
- ii. Mengiring petugas pemunggaran masuk ke ruang penyimpanan sehingga selesai penghantaran.
- iii. Menyimpan kotak Kertas Peperiksaan di rak bagi penggunaan Bilik Kebal atau almari besi berkunci dan berpalang bagi penggunaan Bilik Keselamatan.
- iv. Menyusun atur kotak Kertas Peperiksaan mengikut pusat peperiksaan.
- v. Memastikan kotak-kotak yang bertindih tidak merosakkan Kertas Peperiksaan tersebut.

2.2.2 Skrip Jawapan Peperiksaan (SJP)

JAKIM telah menetapkan beberapa kaedah penyimpanan Skrip Jawapan Peperiksaan (SJP) seperti yang berikut:

- i. Memastikan Petugas Peperiksaan yang dibenarkan sahaja berada dalam Bilik Kebal/Keselamatan.
- ii. Menyimpan SJP di rak bagi penggunaan Bilik Kebal atau almari besi berkunci dan berpaling bagi penggunaan Bilik Keselamatan.
- iii. Menyusun atur kotak SJP mengikut pusat peperiksaan.

2.3 Tatacara Pengurusan Bilik Kebal/Keselamatan

2.3.1 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

JAKIM telah menetapkan tatacara pengurusan Bilik Kebal/Keselamatan **setelah penghantaran Kertas Peperiksaan ke Bilik Kebal/Keselamatan dan penerimaan Skrip Jawapan Peperiksaan (SJP)** dilaksanakan. Manual ini hendaklah dibaca bersama dengan Manual Pengurusan Kertas Peperiksaan dan Skrip Jawapan Peperiksaan UPKK 2024. Di antara tatacara yang ditetapkan adalah seperti yang berikut:

- i. Bilik Kebal/Keselamatan yang disenaraikan dan dimaklumkan kepada Unit Peperiksaan, Bahagian Pendidikan JAKIM sahaja yang akan digunakan oleh Agensi Pelaksana bermula penghantaran Kertas Peperiksaan dan SJP sehingga selesai peperiksaan.
- ii. Sebarang perjumpaan, perbincangan, taklimat, mesyuarat, pemantauan dan hal-hal lain di dalam Bilik Kebal/Keselamatan adalah tidak dibenarkan sehingga tarikh Operasi Buka Kotak (OBK) dan hari peperiksaan berlangsung. Petugas Peperiksaan atau mana-mana individu yang masuk ke Bilik

Kebal/Keselamatan tanpa kebenaran daripada Unit Peperiksaan, Bahagian Pendidikan JAKIM secara bertulis, boleh disabit sebagai pencerobohan, salah laku dan mengakibatkan ketidakakuran pengurusan Bilik Kebal/Keselamatan. Petugas Peperiksaan atau mana-mana individu tersebut hendaklah bertanggungjawab terhadap perkara tersebut dan boleh dikenakan tindakan.

2.3.2 Agensi Pelaksana

Agensi Pelaksana hendaklah memastikan tatacara pengurusan Bilik Kebal/Keselamatan **setelah penghantaran Kertas Peperiksaan ke Bilik Kebal/Keselamatan dan penerimaan Skrip Jawapan Peperiksaan (SJP)** dilaksanakan seperti yang berikut:

- i. Menyediakan senarai Bilik Kebal/Keselamatan yang akan digunakan sepanjang tempoh peperiksaan.
- ii. Menyediakan Bilik Kebal/Keselamatan yang sesuai bagi penerimaan Kertas Peperiksaan dan SJP bagi tahun semasa.
- iii. Memastikan Bilik Kebal/Keselamatan yang disenaraikan dan dimaklumkan kepada Unit Peperiksaan, Bahagian Pendidikan JAKIM sahaja yang akan digunakan bermula penghantaran Kertas Peperiksaan dan SJP sehingga selesai peperiksaan.
- iv. Memastikan Kertas Peperiksaan dan SJP tahun sebelumnya telah dilupuskan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh keputusan UPKK diumumkan.
- v. Membuka pintu Bilik Kebal/Keselamatan semasa pelaksanaan OBK, pengedaran Kertas Peperiksaan (hari peperiksaan) dan penerimaan SJP (hari peperiksaan) sahaja.
- vi. Memastikan maklumat masuk ke Bilik Kebal/Keselamatan direkodkan oleh semua Petugas Peperiksaan dan petugas pemunggaran. Mana-mana individu yang tidak dilantik sebagai Petugas Peperiksaan atau petugas pemunggaran adalah tidak dibenarkan memasuki Bilik Kebal/Keselamatan.

- vii. Sebarang perjumpaan, perbincangan, taklimat, mesyuarat, pemantauan dan hal-hal lain di dalam Bilik Kebal/Keselamatan adalah tidak dibenarkan sehingga tarikh Operasi Buka Kotak (OBK) dan hari peperiksaan berlangsung. Petugas Peperiksaan atau mana-mana individu yang masuk ke Bilik Kebal/Keselamatan tanpa kebenaran daripada Unit Peperiksaan, Bahagian Pendidikan JAKIM secara bertulis, boleh disabit sebagai pencerobohan, salah laku dan mengakibatkan ketidakakuran pengurusan Bilik Kebal/Keselamatan. Petugas Peperiksaan atau mana-mana individu tersebut hendaklah bertanggungjawab terhadap perkara tersebut dan boleh dikenakan tindakan.
- viii. Menutup dan mengunci pintu Bilik Kebal/Keselamatan selepas pelaksanaan OBK, pengedaran Kertas Peperiksaan (hari peperiksaan) dan penerimaan SJP (hari peperiksaan) sahaja. Kunci Bilik Kebal/Keselamatan hendaklah dipegang oleh Ketua Pengawas Kawasan (KPK) atau seorang yang diberi tanggungjawab untuk memegang kunci tersebut dan direkodkan.
- ix. Memastikan maklumat keluar dari Bilik Kebal/Keselamatan direkodkan oleh semua Petugas Peperiksaan dan petugas pemunggaran.
- x. Memberi makluman kepada Unit Peperiksaan, Bahagian Pendidikan JAKIM sekiranya berlaku kecemasan, bencana, darurat dan lain-lain di Bilik Kebal/Keselamatan yang sedang digunakan.

REKOD PENGOPERASIAN PEPERIKSAAN (RPP)

3. REKOD PENGOPERASIAN PEPERIKSAAN (RPP)

3.1 Tatacara Pengurusan Rekod Pengoperasian Peperiksaan (RPP)

3.1.1 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

JAKIM telah mengeluarkan Rekod Pengoperasian Peperiksaan (RPP) bagi penggunaan **bermula penerimaan Kertas Peperiksaan, penyerahan Skrip Jawapan Peperiksaan (SJP) dan urusan-urusan peperiksaan** seperti yang berikut:

- i. Menyediakan RPP yang mencukupi mengikut pusat peperiksaan bagi tahun semasa.
- ii. Menghantar RPP ke Bilik Kebal/Keselamatan bersama penghantaran Kertas Peperiksaan.

3.1.2 Agensi Pelaksana

Agensi Pelaksana hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Memastikan RPP tahun sebelumnya telah dilupuskan dalam tempoh 6 bulan dari keputusan UPKK diumumkan.
- ii. Memastikan tempat dan ruangan yang bersih dan kemas bagi penyimpanan RPP.
- iii. Menyusun atur RPP di Bilik Kebal/Keselamatan semasa penghantaran Kertas Peperiksaan.
- iv. Mengumpul semula RPP bagi semua pusat peperiksaan seteah tamat keseluruhan peperiksaan.
- v. Melupuskan RPP bagi tahun semasa setelah bulan keputusan peperiksaan diumumkan.

3.1.3 Ketua Pengawas Kawasan (KPK)

Ketua Pengawas Kawasan (KPK) hendaklah akan memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menyusun atur RPP bagi pusat peperiksaan yang terlibat semasa Operasi Buka Kotak (OBK).
- ii. Mengedarkan RPP yang hendak digunakan kepada Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan (KPPP) semasa hari peperiksaan.
- iii. Melengkapkan Rekod Serah Dan Terima bagi penyerahan Kertas Peperiksaan dan penerimaan SJP pada setiap hari peperiksaan.
- iv. Mengumpul semula RPP bagi semua pusat peperiksaan setelah tamat keseluruhan peperiksaan.
- v. Menyusun RPP yang telah dihantar oleh Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan di Bilik Kebal/Keselamatan.

3.1.4 Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan (KPPP)

Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan (KPPP) hendaklah akan memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menerima RPP yang hendak digunakan daripada KPK semasa hari peperiksaan.
- ii. Membawa RPP bagi penerimaan Kertas Peperiksaan dan penyerahan SJP pada setiap hari peperiksaan.
- iii. Melengkapkan Rekod Serah Dan Terima bagi penerimaan Kertas Peperiksaan dan penyerahan SJP pada setiap hari peperiksaan.

- iv. Melengkapkan Rekod Skrip Jawapan Peperiksaan bagi setiap pusat peperiksaan. Sekiranya beberapa pusat peperiksaan digabungkan, KPPP hendaklah membuat salinan tambahan bagi setiap pusat peperiksaan di bawah seliaannya dan menyimpan di poket RPP pada halaman terakhir.
- v. Melengkapkan Rekod Kehadiran Petugas Peperiksaan pada setiap sesi peperiksaan.
- vi. Melengkapkan Rekod Bahan Keperluan yang diterima daripada KPK.
- vii. Melengkapkan Rekod Pelawat Rasmi yang hadir bagi lawatan atau pemantauan rasmi serta dibenarkan sahaja.
- viii. Merekod dan menyimpan Borang Kehadiran Calon di poket RPP pada halaman terakhir.
- ix. Mencatat sebarang laporan ketidakakuran yang berlaku bermula hari pertama hingga hari terakhir peperiksaan.
- x. Menyerahkan semula RPP yang telah dilengkapkan kepada KPK di Bilik Kebal/Keselamatan setelah tamat keseluruhan peperiksaan.

PENGOPERASIAN PEPERIKSAAN



4. PENGOPERASIAN PEPERIKSAAN

4.1 Sebelum Peperiksaan

Pengoperasian sebelum peperiksaan merujuk kepada proses-proses persediaan dalam pengurusan serta pengendalian peperiksaan Ujian Penilaian Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (UPKK). Ia dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan dibantu selia oleh Agensi Pelaksana di setiap negeri yang mengambil UPKK mengikut peranan dan fungsi seperti yang telah ditetapkan melalui pelantikan Petugas Peperiksaan yang akan diperincikan di bawah.

4.1.1 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

JAKIM hendaklah mengadakan Mesyuarat/Taklimat Penyelarasan Pengoperasian Peperiksaan kepada Agensi Pelaksana yang menguruskan UPKK.

4.1.2 Agensi Pelaksana

Agensi Pelaksana hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Mengadakan Mesyuarat/Taklimat Penyelarasan Pengoperasian Peperiksaan kepada Ketua Pengawas Kawasan, Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan, Pengawas Peperiksaan, Guru Besar/Guru Penyelaras dan Setiausaha Peperiksaan Sekolah (SuP).
- ii. Menandatangani Borang Perakuan Penyerahan Dan Penerimaan Kertas Peperiksaan/Skrip Jawapan Peperiksaan UPKK (JAKIM/UPKK09/16/Pind.2) bagi Agensi Pelaksana yang telah mendapat kebenaran secara bertulis daripada JAKIM.

4.1.3 Guru Besar (GB)/Guru Penyelaras (GP)

Guru Besar (GB)/Guru Penyelaras (GP) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menghadiri Mesyuarat/Taklimat Penyelarasan Pengoperasian Peperiksaan daripada Agensi Pelaksana.
- ii. Menandatangani Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan UPKK yang telah dijana melalui SIMPENI.
- iii. Memastikan senarai guru bertugas sepanjang peperiksaan berlangsung telah disediakan.
- iv. Memastikan taklimat berhubung amaran, larangan dan peraturan-peraturan peperiksaan di luar Dewan/Bilik Peperiksaan kepada calon telah dilaksanakan.

4.1.4 Setiausaha Peperiksaan (SuP)

Setiausaha Peperiksaan (SuP) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menghadiri Mesyuarat/Taklimat Penyelarasan Pengoperasian Peperiksaan daripada Agensi Pelaksana.
- ii. Menyediakan senarai guru bertugas sepanjang peperiksaan berlangsung kepada Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan.
- iii. Memberikan taklimat berhubung arahan, amaran, larangan dan peraturan-peraturan peperiksaan di luar Dewan/Bilik Peperiksaan kepada calon.
- iv. Menampal Jadual Waktu Peperiksaan, pelan tempat duduk calon, amaran serta larangan semasa peperiksaan di setiap pintu utama Dewan/Bilik Peperiksaan.
- v. Menampal Pelekat Meja Calon (JAKIM/UPKK09/08) yang dicetak daripada sistem di penjuru atas sebelah kanan meja calon.
- vi. Meletakkan papan tanda “Kawasan Larangan” dan “Peperiksaan Sedang Dijalankan” di bahagian luar Dewan/Bilik Peperiksaan.

- vii. Menampal label “Khas Untuk Calon Peperiksaan” di bahagian luar tandas yang dikenalpasti untuk kegunaan calon.

4.1.5 Ketua Pengawas Kawasan (KPK)

Ketua Pengawas Kawasan (KPK) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menghadiri Mesyuarat/Taklimat Penyelarasan Pengoperasian Peperiksaan daripada Agensi Pelaksana.
- ii. Mengadakan lawatan ke pusat peperiksaan di bawah seliaan masing-masing.
- iii. Memastikan semua pusat bersedia untuk melaksanakan peperiksaan.
- iv. Memastikan Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan dan Pengawas Peperiksaan hadir bertugas pada waktu peperiksaan.
- v. Memastikan calon menumpang, calon hospital dan sebagainya diuruskan mengikut prosedur yang ditetapkan seperti perkara 3.
- vi. Menandatangani Borang Perakuan Penyerahan Dan Penerimaan Kertas Peperiksaan/Skrip Jawapan Peperiksaan UPKK (JAKIM/UPKK09/16/Pind.2). Kaedah penghantaran dan penggunaan borang ini hendaklah mendapat kebenaran daripada JAKIM secara bertulis.
- vii. Menandatangani Rekod Serah Dan Terima dalam Rekod Pengoperasian Peperiksaan (RPP).

4.1.6 Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan (KPPP)

Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan (KPPP) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menghadiri Mesyuarat/Taklimat Penyelarasan Pengoperasian Peperiksaan daripada Agensi Pelaksana.

- ii. Mengadakan Mesyuarat/Taklimat Penyelarasan Pengoperasian Peperiksaan kepada Pengawas Peperiksaan.
- iii. Mengadakan lawatan ke pusat peperiksaan di bawah seliaan masing-masing sekurang- kurangnya satu hari bekerja sebelum peperiksaan bermula.
- iv. Melengkapkan RPP pada setiap hari peperiksaan berlangsung.
- v. Memastikan perkara-perkara yang berikut dipatuhi iaitu:
 - a. Persediaan Dewan/Bilik Peperiksaan telah diuruskan dengan sempurna, kondusif dan sesuai serta tidak ada apa-apa aktiviti atau keadaan yang boleh mengganggu tumpuan calon;
 - b. Bilik khas (isolasi atau kuarantin), kemudahan dan peralatan bagi calon yang memerlukan bantuan disediakan mengikut keperluan;
 - c. Kerusi dan meja yang sesuai dengan keadaan calon telah disusun mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagi meja yang berlaci, bahagian laci meja hendaklah menghadap ke hadapan;
 - d. Kedudukan sisi kiri atau sisi kanan meja dengan meja bersebelahan mempunyai jarak sekurang-kurangnya 0.8 meter dan sisi belakang meja calon hadapan dengan sisi hadapan meja calon belakang mempunyai jarak sekurang-kurangnya 1 meter. Sisi meja tidak rapat dan mempunyai jarak sekurang-kurangnya 0.5 meter dari dinding;
 - e. Sebarang gambar, tulisan, carta atau gambar rajah yang boleh membantu calon hendaklah dialih atau ditutup;
 - f. Jam dinding yang mencukupi, sesuai dan berfungsi;
 - g. Kipas dan lampu yang mencukupi, sesuai dan berfungsi;
 - h. Almari besi berkunci/berpalang berada di Dewan/Bilik Peperiksaan utama dalam keadaan baik dan boleh digunakan untuk peperiksaan;
 - i. Papan tulis yang sesuai;
 - j. Peti pertolongan cemas; dan


- k. Alat pembesar suara yang sesuai dan berfungsi dengan baik disediakan di dewan (jika perlu).
- iv. Mengenalpasti maklumat calon menumpang, calon hospital dan sebagainya daripada GB/GP.
- v. Mendapatkan senarai guru bertugas sepanjang peperiksaan berlangsung daripada GB/GP.
- vi. Mengenalpasti bilangan dan jenis calon yang mengambil sesuatu kertas peperiksaan.

4.1.7 Pengawas Peperiksaan (PP)


Pengawas Peperiksaan (PP) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menghadiri Mesyuarat/Taklimat Penyelarasan Pengoperasian Peperiksaan daripada KPPP sekurang-kurangnya satu hari bekerja sebelum peperiksaan bermula.
- ii. Menerima Jadual Waktu Peperiksaan dan Jadual Bertugas Pengawas Peperiksaan.
- iii. Melengkapkan butiran diri menggunakan tulisan tangan dalam RPP.

CARTA ALIR PENGOPERASIAN SEBELUM PEPERIKSAAN



**CARTA ALIR PENGOPERASIAN SEBELUM PEPERIKSAAN
BAGI BORANG PERAKUAN PENYERAHAN DAN PENERIMAAN KERTAS
PEPERIKSAAN/SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN UPKK**



4.2 Semasa Peperiksaan

Pengoperasian semasa peperiksaan merujuk kepada proses-proses pengendalian semasa pelaksanaan Ujian Penilaian Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (UPKK) berlangsung dan tindakan segera yang perlu dilaksanakan oleh Petugas Peperiksaan.

4.2.1 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menyelia dan menguruskan UPKK di peringkat kebangsaan.
- ii. Menerima segala laporan UPKK dari semasa ke semasa daripada Agensi Pelaksana.
- iii. Menyelaras arahan dan penambahbaikan kepada Agensi Pelaksana dengan serta merta (jika perlu).

4.2.2 Agensi Pelaksana

Agensi Pelaksana hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menyelia dan menguruskan UPKK di peringkat negeri.
- ii. Menghantar segala laporan UPKK dari semasa ke semasa kepada JAKIM.
- iii. Memastikan penyelarasan arahan dan penambahbaikan dilaksanakan oleh KPK, KPPP, PP, GB/GP dan SuP.

4.2.3 Ketua Pengawas Kawasan (KPK)

Ketua Pengawas Kawasan (KPK) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menyemak dan mengedarkan sampul kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang terlibat pada hari peperiksaan sahaja kepada KPPP. Tidak dibenarkan mengedarkan kertas peperiksaan mata pelajaran selain daripada yang dijadualkan. Salah laku semasa pengedaran kertas peperiksaan boleh mengakibatkan ketidakakuran terhadap prosedur pengurusan kertas peperiksaan. KPK hendaklah bertanggungjawab terhadap perkara tersebut dan boleh dikenakan tindakan.
- ii. Merekodkan penerimaan dan penyerahan kertas peperiksaan dalam RPP mengikut jadual waktu peperiksaan.

4.2.4 Guru Besar (GB)/Guru Penyelaras (GP)

Guru Besar (GB)/Guru Penyelaras (GP) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Memberi peringatan agar calon tidak membawa masuk alat atau bahan yang tidak dibenarkan ke dalam Dewan/Bilik Peperiksaan.
- ii. Menerima sampul kertas peperiksaan daripada KPPP.
- iii. Menyimpan sampul kertas peperiksaan dalam almari besi berkunci/berpalang di bilik GB/GP.
- iv. Apabila peperiksaan hendak dimulakan, GB/GP hendaklah menyemak dan menyerahkan sampul kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang terlibat pada hari peperiksaan sahaja kepada KPPP. Tidak dibenarkan menyerahkan kertas peperiksaan mata pelajaran selain daripada yang dijadualkan. Salah laku semasa pengedaran kertas peperiksaan boleh mengakibatkan ketidakakuran terhadap prosedur pengurusan kertas peperiksaan. GB/GP hendaklah bertanggungjawab terhadap perkara tersebut dan boleh dikenakan tindakan.

- v. Merekodkan penerimaan dan penyerahan kertas peperiksaan dalam RPP mengikut jadual waktu peperiksaan.

4.2.5 Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan (KPPP)

Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan (KPPP) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Hadir awal mengikut masa yang ditetapkan ke tempat Bilik Kebal/Bilik Keselamatan bagi pengambilan kertas peperiksaan sepanjang tempoh peperiksaan berlangsung.
- ii. Menyemak dan menerima sampul kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang terlibat pada hari peperiksaan sahaja daripada Agensi Pelaksana/KPK dan GB/GP. Tidak dibenarkan menerima kertas peperiksaan mata pelajaran selain daripada yang dijadualkan. Salah laku semasa pengedaran kertas peperiksaan boleh mengakibatkan ketidakakuran terhadap prosedur pengurusan kertas peperiksaan. KPPP hendaklah bertanggungjawab terhadap perkara tersebut dan boleh dikenakan tindakan.
- iii. Menerima makluman secara bertulis sekiranya terdapat pembetulan kertas peperiksaan (jika ada).
- iv. Setelah tiba di pusat peperiksaan, KPPP hendaklah menyerahkan sampul kertas peperiksaan kepada GB/GP untuk disimpan dalam almari besi berkunci/berpalang di bilik GB/GP.
- v. Apabila peperiksaan hendak dimulakan, KPPP hendaklah mengambil sampul kertas peperiksaan yang disimpan di bilik GB/GP dan direkodkan dalam RPP mengikut jadual waktu peperiksaan.
- vi. Membenarkan PP dan Petugas Peperiksaan yang dilantik sahaja masuk ke Dewan/Bilik Peperiksaan. Sekiranya terdapat lawatan dan pemantauan rasmi, Pelawat/Pegawai Pemantau hendaklah memaklumkan kehadiran kepada terlebih dahulu kepada KPPP. Pihak/Pegawai Media yang mengiring pelawat rasmi tidak dibenarkan memasuki Dewan/Bilik Peperiksaan

dan mengambil gambar dari dalam Dewan/Bilik Peperiksaan. Pelawat/Pegawai Pemantau tidak dibenarkan mengambil sebarang gambar termasuk Kertas Peperiksaan atau SJP kecuali mendapat kebenaran daripada Unit Peperiksaan, Bahagian Pendidikan JAKIM sahaja.

- vii. Berada di pusat peperiksaan lebih awal atau sekurang-kurangnya 30 minit sebelum peperiksaan bermula.
- viii. Membenarkan calon masuk ke dalam Dewan/Bilik Peperiksaan 15 minit sebelum peperiksaan dimulakan.
- ix. Memastikan calon hanya membawa masuk bahan-bahan yang dibenarkan mengikut keperluan Kertas Peperiksaan.
- x. Memastikan calon tidak membawa masuk ke dalam Dewan/Bilik Peperiksaan alat atau bahan yang tidak dibenarkan seperti berikut:
 - a. Telefon bimbit atau sebarang peranti komunikasi;
 - b. Nota/buku rujukan/catatan/lakaran atau sebarang tulisan dalam apa bentuk sekali;
 - c. Bekas alat tulis yang berwarna/bercorak selain lut sinar; dan
 - d. Sebarang peralatan atau bahan yang tidak diperlukan untuk peperiksaan.
- xi. Memastikan peralatan atau bahan-bahan yang tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam Dewan/Bilik Peperiksaan, hendaklah diletakkan di luar Dewan/Bilik Peperiksaan.
- xii. Memastikan calon duduk di tempat mengikut pelan tempat duduk calon yang telah ditetapkan.
- xiii. Membacakan arahan, larangan, amaran dan peringatan di Dewan/Bilik Peperiksaan kepada calon sebelum mengedarkan kertas peperiksaan dan meminta calon memeriksa saku atau meja masing-masing bagi mengesahkan bahawa tiada nota atau bahan bertulis dan bercetak atau sebarang bahan yang dilarang telah dibawa masuk.

- xiv. Membuat pengumuman berikut sebelum sesuatu kertas peperiksaan dimulakan:
 - a. Mengingatkan calon agar tidak membawa bahan-bahan larangan ke dalam Dewan/Bilik Peperiksaan;
 - b. Meminta calon menulis Angka Giliran dan Nombor Kad Pengenalan pada muka hadapan kertas jawapan;
 - c. Memaklumkan kepada calon berkaitan nama kertas peperiksaan, masa dan tempoh peperiksaan serta menulis maklumat tersebut di papan tulis di Dewan/Bilik Peperiksaan.

Contoh: **Akidah (UPKK 02)**

Isnin (06 Januari 2025)

2.30 petang hingga 3.45 petang

(1 jam 15 minit)

- xv. Menandatangani sampul Kertas Peperiksaan di hadapan saksi (calon) setelah menyemak tiada sebarang ketidakakuran pada sampul tersebut.
- xvi. Mengarahkan seorang wakil calon untuk hadir ke meja KPPP agar menandatangani sampul kertas peperiksaan pada ruangan saksi setelah disahkan tiada ketidakakuran pada sampul kertas peperiksaan oleh calon.
- xvii. Membuka sampul dan mengeluarkan kertas peperiksaan yang betul mengikut Jadual Waktu Peperiksaan di hadapan semua calon.
- xviii. Mengira jumlah kertas peperiksaan akur dengan bilangan yang tercatat pada label sampul kertas peperiksaan.
- xix. Mendapatkan bekalan kertas peperiksaan sekiranya bilangan kertas peperiksaan tidak mencukupi dengan menghubungi KPK untuk tindakan segera.
- xx. Mengedarkan kertas peperiksaan kepada calon dan mengingatkan calon supaya meneliti nama dan kod kertas peperiksaan yang diedarkan. Jika terdapat ketidakakuran kertas peperiksaan, calon hendaklah mengangkat tangan dan

- memberitahu Pengawas Peperiksaan serta merta.
- xxi. Memastikan calon menulis Angka Giliran dan Nombor Kad Pengenalan pada kertas peperiksaan.
 - xxii. Memaklumkan calon tentang pembetulan (jika ada). Pembetulan hendaklah dibacakan secara lisan dan dicatatkan dengan jelas di papan tulis atau diedarkan sekiranya dibekalkan oleh JAKIM.
 - xxiii. Memulakan peperiksaan mengikut masa yang ditetapkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan.
 - xxiv. Memastikan tiada pengumuman dibuat semasa peperiksaan sedang dijalankan kecuali pengumuman penting yang tidak dapat dielakkan. Pengumuman tentang masa peperiksaan hanya boleh dibuat sebanyak dua kali iaitu pada 30 minit dan 10 minit sebelum masa peperiksaan tamat.
 - xxv. Menyemak dokumen pengenalan diri calon dan Angka Giliran calon pada Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan.
 - xxvi. Menandatangani kehadiran calon dalam Borang Kehadiran Calon (JAKIM/UPKK09/10/Pind.1) selepas 30 minit peperiksaan dimulakan.
 - xxvii. Membenarkan calon mengambil peperiksaan sekiranya hadir lewat 30 minit ke pusat peperiksaan dengan sebab yang munasabah tetapi tiada masa gantian akan diberikan. Butiran calon, masa dan sebab tersebut hendaklah dicatatkan.
 - xxviii. Memastikan pengawasan peperiksaan dilaksanakan secara aktif dengan mematuhi prosedur dan tidak menggunakan telefon bimbit serta sebarang peralatan komunikasi bagi urusan peribadi semasa peperiksaan.
 - xxix. Memastikan PP menggunakan telefon bimbit bagi urusan peperiksaan sahaja semasa peperiksaan.
 - xxx. Memastikan Kes Calon Sakit tiba-tiba dan Kes Salah Laku diuruskan mengikut prosedur.

- xxxi. Memastikan calon yang meninggalkan Dewan/Bilik Peperiksaan sebelum tamat peperiksaan bagi sesuatu kertas tidak membawa keluar SJP.
- xxxii. Memastikan calon tidak dibenarkan keluar dalam tempoh 10 minit terakhir.

Contoh: **Masa ada 10 minit lagi.**
 Calon tidak dibenarkan keluar.

4.2.6 Pengawas Peperiksaan (PP)

Pengawas Peperiksaan (PP) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Hadir awal mengikut masa yang ditetapkan di pusat peperiksaan.
- ii. Mengiring KPPP bagi pengambilan kertas peperiksaan sepanjang tempoh peperiksaan berlangsung (jika perlu).
- iii. Membantu KPPP mengendalikan peperiksaan mengikut prosedur seperti dalam perkara 4.2.5.
- iv. Memastikan pengawasan peperiksaan dilaksanakan secara aktif dengan mematuhi prosedur dan tidak menggunakan telefon bimbit serta sebarang peralatan komunikasi bagi urusan peribadi semasa peperiksaan.

CARTA ALIR PENGOPERASIAN SEMASA PEPERIKSAAN



4.3 Selepas Peperiksaan

Pengoperasian selepas peperiksaan merujuk kepada proses-proses pengendalian selepas tamat masa Ujian Penilaian Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (UPKK) dan tatacara pengurusan Skrip Jawapan Peperiksaan (SJP) yang perlu dilaksanakan oleh Petugas Peperiksaan.

4.3.1 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Agensi Pelaksana

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Agensi Pelaksana menguruskan sebarang ketidakakuran dan salah laku yang berlaku selepas UPKK tamat.

4.3.2 Ketua Pengawas Kawasan (KPK)

Ketua Pengawas Kawasan (KPK) hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut:

- i. Menerima SJP daripada KPPP di Bilik Kebal/Keselamatan selepas tamat pada setiap hari peperiksaan dengan mencatatkan di ruangan Rekod Serah Dan Terima dalam RPP.
- ii. Memastikan perkara berikut telah dilengkapkan oleh KPPP iaitu:
 - a. Borang Akta Rahsia Rasmi 1972;
 - b. Rekod Pengoperasian Peperiksaan;
 - c. Pelan Tempat Duduk Calon di Dewan/Bilik Peperiksaan;
 - d. Borang Kehadiran Peperiksaan (JAKIM/UPKK09/10/Pind.2);
 - e. Borang Tuntutan Bayaran Ketua Pengawas Kawasan/Pusat Peperiksaan (JAKIM/UPKK09/12/Pind.2), Borang Tuntutan Bayaran Pengawas Peperiksaan (JAKIM/UPKK09/13/Pind.1) dan Borang Tuntutan Perjalanan yang telah disemak dan disahkan;
 - f. Laporan Kes Salah Laku (jika ada);


- g. Borang-borang lain yang berkaitan (jika ada); dan
 - h. Menerima bahan-bahan dan peralatan peperiksaan yang tidak digunakan dan alat tulis yang berlebihan.
- iii. Menerima SJP dan kesemua Kertas Peperiksaan yang tidak digunakan daripada KPPP selepas tamat keseluruhan peperiksaan dan direkodkan dalam RPP.

4.3.3 KPPP dan PP hendaklah memastikan perkara yang berikut:

- i. Mengingatkan calon supaya tidak keluar dari Dewan/Bilik Peperiksaan sehingga diberi kebenaran.
- ii. Mengumpul SJP calon mengikut pelan tempat duduk calon setelah waktu peperiksaan tamat.
- iii. Menyusun SJP semua calon dengan jumlah yang mencukupi di pusat peperiksaan seperti yang berikut:
 - a. Mengikut Angka Giliran calon;
 - b. Calon Murid Berkeperluan Khas (MBPK) (jika ada); dan
 - c. Calon menumpang
- iv. Mengingatkan calon berkaitan kertas peperiksaan dan waktu peperiksaan berikutnya.
- v. Membenarkan calon keluar dengan membawa dokumen pengenalan diri dan alat tulis.
- vi. Memastikan bahan-bahan peperiksaan selain SJP disimpan di dalam almari yang berkunci/berpalang pada setiap hari selepas peperiksaan berakhir.
- vii. Memastikan Dewan/Bilik Peperiksaan tidak ditinggalkan tanpa pengawasan sekiranya masih terdapat SJP.
- viii. Memastikan Dewan/Bilik Peperiksaan dikunci selepas tamat sidang peperiksaan terakhir setiap hari peperiksaan.
- ix. Menyerahkan SJP calon kepada KPK untuk disimpan di Bilik Kebal/Keselamatan selepas tamat pada setiap hari peperiksaan dengan mencatatkan di ruangan Rekod Serah Dan Terima dalam RPP.

- x. Melengkapkan dan mengemaskini borang dan dokumen peperiksaan berikut dan menyerahkannya kepada KPK setelah tamat keseluruhan peperiksaan iaitu:
 - a. Borang Akta Rahsia Rasmi 1972;
 - b. Rekod Pengoperasian Peperiksaan;
 - c. Pelan Tempat Duduk Calon di Dewan/Bilik Peperiksaan;
 - d. Borang Kehadiran Peperiksaan (JAKIM/UPKK09/10/Pind.2);
 - e. Borang Tuntutan Bayaran Ketua Pengawas Kawasan/Pusat Peperiksaan (JAKIM/UPKK09/12/Pind.2), Borang Tuntutan Bayaran Pengawas Peperiksaan (JAKIM/UPKK09/13/Pind.1) dan Borang Tuntutan Perjalanan yang telah disemak dan disahkan;
 - f. Laporan Kes Salah Laku (jika ada);
 - g. Borang-borang lain yang berkaitan (jika ada);
 - h. Menyerahkan bahan-bahan dan peralatan peperiksaan yang tidak digunakan dan alat tulis yang berlebihan kepada Ketua Pengawas Kawasan untuk disimpan di Bilik Kebal/Keselamatan.
- xi. Menyerahkan SJP dan kesemua kertas peperiksaan yang tidak digunakan kepada Agensi Pelaksana selepas tamat keseluruhan peperiksaan dan direkodkan dalam RPP.

CARTA ALIR PENGOPERASIAN SELEPAS PEPERIKSAAN



KES KECEMASAN



5. KES KECEMASAN

5.1 Sebelum Peperiksaan

5.1.1 Jatuh Sakit Secara Tiba-tiba

- i. Calon di pusat peperiksaan atau di hospital tidak sedarkan diri **sebelum peperiksaan** dimulakan tetapi sedar sebelum waktu peperiksaan tamat, Ketua Pengawas Pusat Peperiksaan (KPPP) hendaklah:
 - a. Menghubungi pihak sekolah dan ibu bapa untuk tindakan segera;
 - b. Memastikan kertas peperiksaan calon disimpan dalam almari besi berkunci/berpalang;
 - c. Memulakan peperiksaan setelah calon sedar;
 - d. Mengasingkan calon di bilik khas (isolasi atau kuarantin) sekiranya perlu dengan diawasi oleh Pengawas Peperiksaan (PP);
 - e. Menambah masa gantian peperiksaan (jika perlu); dan
 - f. Memastikan maklumat kejadian direkod dalam RPP.
- ii. Bagi calon di hospital dan tidak sedarkan diri **sebelum peperiksaan** dimulakan tetapi sedar sebelum waktu peperiksaan tamat, KPPP hendaklah:
 - a. Menghubungi pihak sekolah dan ibu bapa untuk tindakan segera;
 - b. Menghubungi Ketua Pengawas Kawasan (KPK) dan PP yang dilantik untuk bertugas di hospital bagi memaklumkan maklumat kejadian;
 - c. Memastikan PP mengiringi dan mengawasi calon pada setiap masa;
 - d. Menguruskan Kertas Peperiksaan calon dengan memasukkan ke dalam sampul bertutup, digam, dimasukkan ke dalam beg tertutup dan dibawa ke hospital oleh Petugas Peperiksaan;

- e. Memulakan peperiksaan apabila calon sedar dalam tempoh waktu peperiksaan setelah mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan;
- f. Menambah masa gantian peperiksaan (jika perlu); dan
- g. Memastikan maklumat kejadian direkod dalam RPP.

5.2 Semasa Peperiksaan

5.2.1 Jatuh Sakit Secara Tiba-tiba

- i. Calon di pusat peperiksaan atau di hospital tidak sedarkan diri **semasa peperiksaan** dilaksanakan tetapi sedar sebelum waktu peperiksaan tamat, KPPP hendaklah:
 - a. Menghubungi pihak sekolah untuk tindakan segera;
 - b. Memastikan kertas peperiksaan calon disimpan dalam almari besi berkunci/berpalang;
 - c. Memulakan peperiksaan setelah calon sedar;
 - d. Mengasingkan calon di bilik khas (isolasi atau kuarantin) sekiranya perlu dengan diawasi oleh Pengawas PP;
 - e. Menambah masa gantian peperiksaan (jika perlu); dan
 - f. Memastikan maklumat kejadian direkod RPP.
- ii. Bagi calon di hospital dan tidak sedarkan diri **semasa peperiksaan** dilaksanakan tetapi sedar sebelum waktu peperiksaan tamat, KPPP hendaklah:
 - a. Menghubungi pihak sekolah untuk tindakan segera;
 - b. Menghubungi KPK dan PP yang dilantik untuk bertugas di hospital bagi memaklumkan maklumat kejadian;
 - c. Memastikan PP mengiringi dan mengawasi calon pada setiap masa;
 - d. Menguruskan Kertas Peperiksaan calon dengan memasukkan ke dalam sampul bertutup, digam, dimasukkan ke dalam beg tertutup dan dibawa ke hospital oleh Petugas Peperiksaan;

- e. Memulakan peperiksaan apabila calon sedar dalam tempoh waktu peperiksaan setelah mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan;
- f. Menambah masa gantian peperiksaan (jika perlu); dan
- g. Memastikan maklumat kejadian direkod dalam RPP.

5.3 Selepas Peperiksaan

5.3.1 Jatuh Sakit Secara Tiba-tiba

